

News: Utusan Malaysia  
Date: 02 February 2010  
Language: Malay  
Subject: Sociology  
Page: 24



KAMARUZAMAN (kiri) mewakili UMS menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama UTeM yang diwakili oleh Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan di Kota Kinabalu, Sabah semalam.

## UMS-UTeM tingkat kerjasama ICT

KOTA KINABALU 1 Feb. – Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) akan meningkatkan kerjasama pembangunan teknologi, komunikasi dan maklumat (ICT) berkaitan sistem maklumat pelajar.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon berkata, kerjasama kedua-dua universiti tersebut dalam pengurusan data pelajar akan bermula daripada peringkat pengambilan sehingga pelajar tersebut menamatkan pengajian.

"Kerjasama ini penting bagi mewujudkan sistem penyampaian yang efektif dan efisien. Dengan peningkatan jumlah pelajar setiap tahun, ia menuntut sistem yang lebih canggih seiring cabaran semasa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mewakili UMS menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama UTeM yang diwakili oleh Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan di sini hari ini.

Kamaruzaman berkata, pihaknya yakin, ker-

jasama itu dapat membantu UMS menempatkan diri sebagai salah sebuah institusi pengajian tinggi awam terkemuka di negara ini.

Dalam pada itu, Ahmad berkata, kerjasama itu memberi peluang kedua-dua pihak meningkatkan kualiti sistem maklumat sedia ada bagi memastikan ia mampu beroperasi dengan sempurna walaupun dalam keadaan yang lebih kompleks.

Katanya, input yang diberikan sepanjang pengoperasian sistem terdahulu amat penting dalam merencanakan tindakan susulan untuk menambah baik sistem pengurusan maklumat pelajar berkenaan.

"Alhamdulillah, segala perancangan, usaha dan strategi yang diatur dalam pelaksanaan sistem maklumat pelajar ini telah membawa hasil di mana sistem ini telah berjaya dilaksanakan peringkat demi peringkat," katanya.

Beliau berharap hubungan erat antara kedua-dua universiti itu tidak akan terhenti, sebaliknya diperluaskan ke bidang lain.